

# ACTIMIN TABLET

Triprolidine Hydrochloride/Pseudoephedrine Hydrochloride (2.5mg/ 60mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?	Sebelum mengambil ACTIMIN	Sebelum mula mengambil
1. Apakah kegunaan ACTIMIN.	<i>Bila tidak boleh mengambil</i> Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.	Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• masalah ginjal</li><li>• masalah hati</li><li>• tekanan darah tinggi</li><li>• penyakit jantung</li><li>• kelenjar tiroid terlalu aktif</li><li>• masalah prostat</li></ul>
2. Bagaimana berfungsi ACTIMIN	<ul style="list-style-type: none"><li>• sebarang ubat lain yang serupa</li></ul>	Jika anda hamil atau menyusukan bayi, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.
3. Sebelum mengambil ACTIMIN	Jangan mengambil ACTIMIN jika anda: <ul style="list-style-type: none"><li>• mempunyai tekanan darah yang sangat tinggi</li><li>• mempunyai penyakit jantung yang serius</li><li>• pernah mengalami reaksi yang teruk terhadap sebarang bahan kandungan dalam ubat ini</li><li>• sedang mengambil atau telah mengambil ubat untuk kemurungan, iaitu monoamine oxidase inhibitors (<i>MAOIs</i>), dua minggu yang lepas</li><li>• sedang mengambil <i>furazolidone</i> (agen antibakteria)</li></ul>	Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil ACTIMIN.
4. Cara menggunakan ACTIMIN	Jika anda mengalami mana-mana keadaan seperti di atas, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.	<i>Jika mengambil ubat lain</i> Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan Actimin boleh bertindak balas antara satu sama lain.
5. Semasa menggunakan ACTIMIN	Jangan mengambil ACTIMIN selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.	Ini termasuklah: <ul style="list-style-type: none"><li>• dekongestan</li><li>• ubat penahan selera makan</li><li>• <i>monoamine oxidase inhibitor</i></li><li>• ubat tekanan darah tinggi</li><li>• ubat antihistamina yang lain</li><li>• sedatif</li></ul>
6. Kesan-kesan sampingan	Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.	Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh ACTIMIN atau mungkin menjelaskan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACTIMIN		
8. Maklumat lanjut		
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk		
10. Tarikh kemaskini RIMUP		

**Apakah kegunaan ACTIMIN**  
Ubat ini digunakan untuk merawat semua gangguan pada bahagian atas salur pernafasan:

- Rinitis alahan (saluran pernafasan hidung radang)
- Hidung tersumbat
- Demam
- Selsema
- Otitis media (jangkitan telinga tengah)

**Bagaimana ACTIMIN berfungsi**  
Pil ini mengandungi *pseudoephedrine hydrochloride*, sejenis decongestant yang melegakan hidung dan sinus yang tersumbat dan *tripolidine hydrochloride*, sejenis antihistamin yang membantu menghentikan bersin, hidung berair dan mata berair.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ACTIMIN dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan ACTIMIN untuk tujuan lain.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan seperti di atas, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Jangan mengambil ACTIMIN selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

Sesetengah ubat dan Actimin boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- dekongestan
- ubat penahan selera makan
- *monoamine oxidase inhibitor*
- ubat tekanan darah tinggi
- ubat antihistamina yang lain
- sedatif

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh ACTIMIN atau mungkin menjelaskan

fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil ACTIMIN atau yang perlu dielakkan.

#### **Cara menggunakan ACTIMIN**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

#### Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa ACTIMIN ialah:

*Dewasa dan kanak-kanak umur 12 tahun ke atas:*

1 biji, 3 hingga 4 kali sehari, jika perlu.

*Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:*

Setengah biji, 3 hingga 4 kali sehari, jika perlu.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

#### Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

#### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ACTIMIN selagi diarahkan oleh doktor anda.

#### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ACTIMIN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Jika mengambil Actimin berlebihan akan menyebabkan:-

- mengantuk
- kelesuan
- ketidakstabilan
- sukar untuk menbuang air kecil
- sesak nafas
- tekanan darah rendah
- ketidakstabilan emosi
- cepat marah
- sawan
- tekanan darah tinggi
- berdebar-debar
- *tachycardia* (denyutan jantung bergerak laju)

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

#### **Semasa menggunakan ACTIMIN**

##### Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ACTIMIN. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ACTIMIN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ACTIMIN mempengaruhi anda. Ubat ini mungkin menyebabkan rasa pening atau gayang di kalangan sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan

Berhati-hati semasa minum alkohol semasa anda mengambil ubat ini. Jika anda minum alkohol, rasa pening atau gayang akan bertambah buruk.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin

jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil ACTIMIN. Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang berikut:

- sukar untuk menumpukan perhatian
- pening
- tekanan darah rendah
- otot lemah
- *lassitude* (kelesuan)
- ketidakselarasan

Ini adalah kesan sampingan yang biasa.

Kesan sampingan yang lain termasuklah:

- rasa loya
- muntah-muntah
- cirit-birit atau sembelit

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Actimin

### Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikenalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ACTIMIN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

### Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ACTIMIN atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

- *Tripolidine hydrochloride*
- *Pseudoephedrine hydrochloride*

Bahan tidak aktif:

- *Promigel*
- Pewarna biru
- Laktosa
- *Aerosil*
- Tepung jagung
- *Polivinylpyrrolidone*
- *Isopropyl alcohol*
- *Magnesium stearate*

### Nombor MAL

MAL19890164A

## Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN BHD  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor,  
Malaysia

## Pemegang Produk

DUOPHARMA (M) SDN BHD  
Lot 2599, Jalan Seruling 59,  
Kaw 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor,  
Malaysia

## Tarikh kemaskini RIMUP

01/12/2014

## Nombor siri

BPFK(R4/1)011214/00064

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

ACTIMIN tablet berbentuk bulat, berwarna biru, berdiameter 7mm dengan tanda 'd'.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: